



# KURSUS SIJIL VETERINAR



**JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

## Pengenalan

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengiktiraf kelayakan Sijil Veterinar yang dikeluarkan oleh Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan mulai 01 Januari 2004 sebagai setaraf dengan kelayakan Sijil Institut Pertanian daripada Institut Pertanian, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Selaras dengan pengiktirafan tersebut, perbekalan syarat lantikan skim perkhidmatan Pembantu Veterinar diubah sewajarnya bagi memasukkan kelayakan Sijil Veterinar sebagai syarat lantikan yang baru.

Institut Haiwan Kluang adalah dibawah pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Haiwan Persekutuan melalui Bahagian Pembangunan Sumber Manusia. Institut ini telah ditubuhkan sejak tahun 1974 dengan tujuan melengkapkan para pegawai Jabatan dan juga penternak dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengeluaran dan kesihatan ternakan.

## Falsafah Kursus

Pelaksanaan kursus Sijil Veterinar adalah untuk membangun satu kumpulan tenaga kerja teknikal yang mahir dan berpengetahuan di dalam aspek-aspek amali dan teknikal di bidang pengeluaran dan kesihatan ternakan di peringkat operasi industri ternakan.

Menghasilkan sumber manusia yang berkalibar dan kompeten dalam industri penternakan bagi membantu mempercepatkan transformasi sektor ternakan.

# OBJEKTIF KURSUS

## OBJEKTIF AM

Menyediakan dan melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran di bidang pengeluaran dan kesihatan ternakan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas teknikal di peringkat operasi ladang serta sebagai pegawai pengembangan barisan hadapan.

## OBJEKTIF KHUSUS

1. Memberi pendedahan dan kefahaman mengenai prinsip-prinsip dan teknik-teknik pengurusan, pemakanan pembiakan dan kawalan penyakit lazim bagi semua jenis ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, bebiri, khinzir, ayam itik, arnab, kuda, anjing dan kucing.
2. Membina dan mempertingkatkan kemahiran manipulatif di dalam pengurusan sistem pengeluaran ternakan moden yang cekap dan produktif.
3. Melatih menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi bagi merancang, mengurus dan melaksanakan program-program pengeluaran dan kawalan penyakit ternakan supaya produk yang dihasilkan seperti daging, susu dan telur, adalah bermutu dan selamat untuk dimakan.
4. Memberi pengetahuan dan mempertingkatkan kemahiran di dalam kaedah-kaedah pengembangan dan komunikasi supaya pemindahan teknologi dan penyampaian maklumat kepada pelanggan akan lebih berkesan
5. Melengkapkan para Pelajar dengan pengetahuan mengenai pengurusan pejabat, kewangan dan perundangan serta penguatkuasaan yang berdasarkan Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Kajian Semula 2006) dan undang-undang semasa

## JANGKAMASA KURSUS

Kursus ini mengambil masa selama dua (2) tahun di mana pelajar akan diberikan kuliah dan latihan amali secara intensif. Semasa menjalankan program latihan ladang di hujung Semester 4 pelajar akan diberi pendedahan kepada pengurusan ladang-ladang ternakan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Swasta yang akan ditentukan oleh Institut. Kursus ini dijalankan sepenuh masa dan merangkumi 64 jam kredit untuk dianugerahkan Sijil Veterinar

## STRUKTUR PENGAJIAN

Pelajar diberi kuliah teori dan amali berjumlah 64 jam kredit atas subjek seperti di Jadual 1

Pelajar diberi latihan semua subjek Teknikal dan Industri secara terperinci supaya dapat melengkapkan diri mereka ke arah menjadi seorang usahawan selepas tamat latihan sekiranya tidak bekerja dengan agensi Kerajaan atau swasta.

Subjek Am dan Industri juga diberikan supaya pelajar boleh menjadi seorang yang dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran secara sistematik untuk menjayakan program penternakan dengan berkesan.



Jadual 1 : Subjek Yang Wajib Diikuti Oleh Pelajar

<b>TAHUN 1</b>	<b>TAHUN 2</b>
<p>SUBJEK AM</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Asas Sains</li><li>- Tamadun Islam</li><li>- Bahasa Inggeris</li><li>- Pengembangan Veterinar</li><li>- Pengurusan &amp; Pentadbiran</li></ul>	<p>SUBJEK AM</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Asas Sains</li><li>- Bahasa Inggeris</li><li>- Pengembangan Veterinar</li></ul>
<p>SUBJEK TEKNIKAL</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Anatomi &amp; Fisiologi</li><li>- Asas Klinikal</li><li>- Agrostologi</li><li>- Kesihatan Ternakan</li><li>- Kesihatan Awam Veterinar</li><li>- Farmakologi</li><li>- Pembedahan Asas</li><li>- Patologi</li><li>- Sains Tenuku</li><li>- Kejuruteraan Ladang</li></ul>	<p>SUBJEK TEKNIKAL</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Anatomi &amp; Fisiologi</li><li>- Asas Klinikal</li><li>- Agrostologi</li><li>- Kesihatan Ternakan</li><li>- Kesihatan Awam Veterinar</li><li>- Aplikasi Komputer</li><li>- Pembedahan Asas</li><li>- Patologi</li><li>- Sains Tenuku</li><li>- Kejuruteraan Ladang</li></ul>
<p>SUBJEK INDUSTRI</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Teknologi Penternakan</li><li>- Penternakan Unggas</li><li>- Sains Pembiakan</li><li>- Sains Pemakanan</li><li>- Ekonomi &amp; Perniagaan Ternakan</li><li>- Haiwan Kesayangan</li></ul>	<p>SUBJEK INDUSTRI</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Teknologi Penternakan</li><li>- Penternakan Unggas</li><li>- Sains Pembiakan</li><li>- Sains Pemakanan</li><li>- Ekonomi &amp; Perniagaan Ternakan</li><li>- Haiwan Kesayangan</li><li>- Simulasi Penternakan</li><li>- Latihan Ladang</li></ul>

## TEMPAT LATIHAN & KEMUDAHAN

(i) Kursus ini dijalankan di

Institut Haiwan  
Km. 13, Jalan Batu Pahat,  
Beg Berkunci 520,  
86009 Kluang,  
Johor

Tel : 07 – 7594700      Faks : 07 - 7596812

(ii) Tempat penginapan dan makanan disediakan.

(iii) Pemohon yang berjaya boleh memohon biasiswa daripada Kerajaan Persekutuan (Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia), Lembaga Biasiswa Kerajaan-Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun Kerajaan, Yayasan Pelajaran Negeri atau pihak swasta.

## PROSPEK KERJAYA

Pelatih lepasan Institut Haiwan Kluang boleh untuk bekerja sama ada di sektor awam atau swasta atau menjadi usahawan ternak. Golongan ini juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau swasta. Bidang-bidang pekerjaan yang boleh diceburi adalah seperti berikut;

- Perladangan
- Pemprosesan
- Agro Pelancongan



## PERMOHONAN & PENGAMBILAN

Pengambilan dibuat berdasarkan syarat-syarat kelayakan berikut;

- (i) Warganegara Malaysia berumur di antara 17 hingga 25 tahun (hingga 30 tahun bagi pegawai kerajaan) pada masa kursus bermula.
- (ii) Berkelulusan SPM atau SPVM atau yang setaraf dengannya dan mempunyai kelayakan yang diperolehi dalam peperiksaan yang sama seperti berikut :
  - (a) Lulus dalam Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan
  - (b) Lulus dalam mata pelajaran Matematik dan
  - (c) Kepujian dalam salah satu mata pelajaran berikut :  
Sains, Sains Pertanian, Geografi, Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Pengeluaran Ternakan, Pengeluaran Tanaman, Hortikultur Hiasan dan Landskap, Kejenteraan Ladang, Pengurusan Ladang, Ekonomi Rumahtangga, Fizik, Kimia, Biologi, Sains Tambahan, Teknologi Bengkel Mesin, Kerja Menggegas dan Memesin, Prinsip Perniagaan, Asas Perakaunan, Perniagaan dan Keusahawanan, Teknologi Katering, Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan, Asas Pemprosesan Maklumat, dan
- (iii) Berjaya dalam temuduga yang dijalankan
- (iv) Belum berkahwin (kecuali untuk pegawai kerajaan)
- (v) Sihat tubuh badan.



## CARA PERMOHONAN

Borang permohonan boleh didapati di Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan, Aras 2, Wisma Tani, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 Putrajaya atau di Institut Haiwan Kluang atau di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri atau dengan menghantar sampul surat berukuran 25 cm x 34 cm, beralamat sendiri dan bersetem RM 0.50. Sila majukan borang permohonan yang telah lengkap diisi kepada :

**Pengarah,  
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia,  
Aras 2, Wisma Tani Lot 4G1, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630 Putrajaya**

Borang permohonan boleh juga dimuat turun dengan melayari laman web kami di [agrolink.moa.my/jph/](http://agrolink.moa.my/jph/) atau [www.johordt.gov.my/ihk](http://www.johordt.gov.my/ihk)

Untuk keterangan lanjut sila hubungi ;

Tel. : 03 - 88702000, 03 - 88702207, 03 - 88702183, 03 - 88702184  
atau 03 - 88702185.

Fax : 03 - 88884267

E-mail : [ppsm@jph.gov.my](mailto:ppsm@jph.gov.my)  
[arifin@jph.gov.my](mailto:arifin@jph.gov.my)  
[idaroy@jph.gov.my](mailto:idaroy@jph.gov.my)